

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY
BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) apakah usaha Kementerian untuk mewajibkan ibu bapa bayi untuk mendapatkan suntikan vaksin 5-serangkai (DtaP/IPV/HiB) agar dapat memutuskan rantaian penularan penyakit cegahan vaksin dalam komuniti; dan
- b) setakat ini, berapa kadar jumlah pesakit dengan wabak berkait dengan mereka yang tidak mendapat vaksin 5-serangkai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Imunisasi Kebangsaan telah dilaksanakan sejak tahun 1950an dan pemberian vaksin 5-serangkai (DtaP/IPV/HiB) bermula pada tahun 2008 untuk memberi perlindungan kepada 5 jenis penyakit iaitu penyakit difteria, tetanus (kancing gigi), pertussis (batuk kokol), poliomyelitis dan penyakit akibat jangkitan bakteria Haemophilus influenzae type b (Hib).

2. Pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewujudkan **Jawatankuasa Kerja (Task Force)** yang melibatkan pelbagai agensi pemegang taruh (*stakeholders*) untuk meneliti kebolehlaksanaan tindakan mewajibkan imunisasi kepada bayi dan kanak-kanak. Antara pemegang taruh yang terlibat terdiri dari agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan JAKIM agensi swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan yang berkaitan serta panel pakar seperti Pakar Perubatan Kanak-kanak, Pakar Perubatan Keluarga dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam juga dilibatkan dalam proses mengumpul pandangan setiap sudut sekiranya imunisasi diwajibkan. Cadangan pindaan akta yang berkaitan serta tanggungjawab ibu bapa dan penjaga juga dibincang dengan teliti dan KKM turut meneliti undang-undang sedia ada di Malaysia dan juga di negara lain di seluruh dunia. Walaubagaimanapun, setelah meneliti aspek pelaksanaan dan implikasi penggunaan kaedah perundangan, **KKM bersetuju mengambil pendekatan untuk tidak menggunakan kaedah perundangan untuk mewajibkan pemberian imunisasi kepada kanak-kanak di Malaysia.** Pengukuhan dan penambahbaikan kepada penyampaian perkhidmatan sedia ada termasuk meningkatkan aktiviti pengesanan kes cicir dan pendekatan secara pendidikan dan promosi telah dipersetujui oleh pihak KKM.

3. Untuk memastikan kejayaan Program Imunisasi demi untuk mencegah penularan penyakit cegahan vaksin dalam komuniti, **liputan imunisasi yang tinggi (melebihi 95%) diperlukan.** Imunisasi melindungi komuniti apabila sebahagian besar daripada mereka telah diberi imunisasi terhadap penyakit cegahan vaksin dan ini menyebabkan bakteria atau virus sukar untuk merebak dalam komuniti tersebut. Imuniti kelompok tercapai apabila seluruh komuniti dilindungi daripada jangkitan penyakit cegahan vaksin melalui liputan imunisasi yang tinggi.

4. Kementerian Kesihatan juga memantau kejadian dan tren penyakit cegahan vaksin di seluruh Malaysia. Vaksin 5-serangkai DTaP-IPV//Hib diberi kepada kanak-kanak untuk mencegah **penyakit difteria, tetanus**

(kancing gigi), pertussis (batuk kokol), polio dan Haemophilus influenzae type b (Hib).

5. Bagi 5 penyakit diatas, sepanjang tahun 2019, sebanyak:

- a) **16 kes** telah disahkan difteria dilaporkan dengan enam (6) kes kematian dicatatkan. Lima (5) kes kematian adalah terdiri dari kanak-kanak yang tidak mempunyai rekod imunisasi. Kadar insiden adalah 0.05 kes per 100,000 penduduk.
- b) **30 kes tetanus** dilaporkan dengan satu (1) kes kematian dan semua kes kematian tiada rekod imunisasi. Kadar insiden adalah 0.09 kes per 100,000 penduduk.
- c) **915 kes batuk kokol** dilaporkan dengan 20 kes kematian dan semua kes kematian tiada rekod imunisasi. Kadar insiden adalah 2.74 kes per 100,000 penduduk.
- d) **3 kes polio** telah dilaporkan dan tiada kematian dilaporkan. Kadar insiden adalah 0.01 kes per 100,000 penduduk.
- e) **4 kes** penyakit yang disebabkan oleh Haemophilus influenzae type b (Hib) dilaporkan dan tiada kematian dilaporkan. Kadar insiden adalah 0.01 kes per 100,000 penduduk.

Sekian, terima kasih.